

aab

PERHIMPUNAN UMNO SOKONG PERJUANGAN MAHATHIR
UMNO - Pengerusi

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno, yang bermula hari ini, menyokong penuh perjuangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usahanya membantu negara-negara membangun dan miskin.

Pengerusi Tetap perhimpunan itu, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah berkata kepimpinan Perdana Menteri terserlah menerusi tindakan positifnya di peringkat antarabangsa.

Katanya, kepetahan Datuk Seri Dr Mahathir berucap dengan penuh semangat di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu begitu mengkagumkan hingga menjadikan beliau sebagai wira pejuang negara-negara miskin dan pembela manusia sejagat.

Kejayaan Perdana Menteri, yang juga Presiden UMNO, menjalankan tanggungjawabnya sebagai pengerusi Kumpulan 11 semasa Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Harare, Zimbabwe baru-baru ini juga amat membanggakan negara, katanya ketika membuat ucapan pembukaan sebelum memulakan persidangan itu.

Tan Sri Sulaiman berkata, semua usaha itu dijalankan oleh Perdana Menteri dengan gigih di samping terus memberi perhatian kepada pembangunan negara menerusi Wawasan 2020. -- Lagi

♥08/11/14-11MST

CNS0228

R PR 08-1100196 BH075.

aab

UMNO - Pengerusi 2 Kuala Lumpur

Sebelum itu sebaik sahaja mengambil tempatnya sebagai pengerusi tetap, Tan Sri Sulaiman memberitahu perwakilan bahawa perhimpunan kali ini turut dihadiri oleh kira-kira 300 pemerhati termasuk dari UMNO Sabah, parti Golkar Indonesia, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura serta wakil-wakil 12 Kelat UMNO di luar negeri.

Disamping itu juga buat pertama kalinya UMNO Sabah diwakili dalam Majlis Tertinggi menerusi Tun Datu Mustapha Datu Harun, kata beliau sambil disambut dengan tepukan oleh perwakilan dan pemerhati.

Sementara itu, Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohamed Rahmat memberitahu perhimpunan bahawa sebanyak 29 daripada 10,032 cawangan UMNO di seluruh negara gagal mengadakan mesyuarat perwakilan kerana beberapa masalah manakala Tanjung Karang pula merupakan satu-satunya bahagian yang gagal mengadakan mesyuarat agungnya tahun ini.

Datuk Mohamed kemudian memberitahu bahawa wakil-wakil dari parti yang memerintah Jepun iaitu Parti Liberal Demokratik (LDP) dan Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) dari Afrika Selatan yang turut diundang tidak dapat menghadiri perhimpunan itu kerana masalah di negara masing-masing.

Bagaimanapun, katanya, UMNO akan terus menjemput wakil daripada kedua-dua pertubuhan itu serta parti-parti politik daripada negara-negara sahabat yang lain pada perhimpunan yang akan datang. -- Bernama

♥08/11/14-14MST